

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(I)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

24. Berdasarkan slogan/initiatif Kerajaan Pulau Pinang yang berbunyi *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*, apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kerajaan Pulau Pinang untuk mencapai matlamat tersebut.
- (a) Sejauh manakah kerajaan mencapai sasaran yang telah ditetapkan?
 - (b) Nyatakan masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Berdasarkan slogan Kerajaan Pulau Pinang iaitu "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*", berikut adalah sasaran dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kerajaan Pulau Pinang untuk mencapai matlamat tersebut.
- (i) Komponen *Cleaner* adalah merangkumi usaha untuk mengurangkan sampah dan meningkatkan kadar kitar semula. KPI Kerajaan Negeri ialah mencapai kadar kitar semula negeri sebanyak 50% menjelang tahun 2020.
 - (ii) Komponen *Greener* pula menetapkan KPI kepada Jabatan Perhutanan Negeri dengan sekurang-kurangnya 5,000 pokok ditanam dalam negeri setiap tahun.
 - (iii) Komponen *Safer* adalah mengenai pemasangan CCTV yang dapat mengurangkan kadar jenayah dan membantu

menyediakan persekitaran yang selamat. KPI untuk komponen ini merupakan bilangan sasaran CCTV dipasang di seluruh negeri oleh PBT. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran 1,000 buah CCTV dipasang pada tahun hadapan.

- (iv) Komponen *Healthier* tidak ditetapkan sebarang KPI oleh Kerajaan Negeri. Untuk komponen *Healthier* aktiviti sukan yang diterapkan adalah merangkumi aktiviti berbasikal, senamrobik, larian dan aktiviti sihat lain yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kerajaan Negeri dan sektor swasta.
- (a) Berikut adalah pencapaian terkini bagi pelaksanaan "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*"
 - (i) Bagi komponen *Cleaner*, kadar kitar semula negeri terkini adalah 38% dan dijangka KPI sebanyak 50% kadar kitar semula berkemungkinan tidak dapat dicapai pada tahun 2020. Ini disebabkan oleh kesedaran orang ramai mengenai kitar semula masih di tahap kurang memuaskan.
 - (ii) Bagi komponen *Greener*, untuk menghijaukan bumi Negeri Pulau Pinang, Jabatan Perhutanan serta NGO telah menanam jumlah pokok setiap tahun melebihi KPI yang ditetapkan seperti di Lampiran.
 - (iii) Bagi KPI komponen *Safer*, dijangka dicapai pada bulan Mei 2019 apabila sebanyak 1,041 unit CCTV akan dipasang di seluruh negeri iaitu dengan 911 unit dipasang oleh MBPP dan 132 unit dipasang oleh MPSP.
 - (iv) Kerajaan Negeri tidak menetapkan KPI untuk komponen *Healthier*. Aktiviti-aktiviti sihat ini dianjurkan oleh PBT, Kerajaan Negeri serta NGO atas keperluan dan permintaan orang ramai dan diadakan secara berkala untuk mempromosikan kehidupan sihat di kalangan penduduk. Antara aktiviti yang berjaya dianjurkan adalah terapi minda (*forest bathing*), Pagi Bebas Kenderaan, senamrobik, aktiviti larian dan sukan berbasikal.

- (b) Masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam usaha melaksanakan program di bawah inisiatif *Cleaner, Greener, Safer & Healthier* Penang adalah seperti berikut:
- (i) Kekangan kewangan kerana peruntukan terhad untuk melaksanakan program/ projek dalam skala besar seperti projek naik taraf kehijauan kawasan lapang, penanaman pokok, pemasangan CCTV dan lain-lain;
 - (ii) Masalah sosial kerana *vandalisme* oleh segelintir individu/kumpulan yang tidak bertanggungjawab juga sering dihadapi oleh Kerajaan Negeri semasa melaksanakan projek-projek pengindahan dan projek bandar selamat; dan
 - (iii) Di kawasan hutan paya bakau, usaha penanaman pokok bakau di kawasan pesisiran pantai berhadapan dengan kekangan arus air laut yang boleh menghanyutkan anak-anak pokok yang ditanam.